

Serah wawasan kepada belia

Ⓟ U.M. 27 JUL 1993

KOTA BAHARU 26 Julai — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan belia-beliaan hari ini lebih matang dan celik daripada masa lalu yang merupakan tenaga penggerak ke arah menjayakan Wawasan 2020.

"Tanggungjawab untuk menjayakan Wawasan 2020 terserah kepada belia-belia untuk menjaya-

kannya dengan segala tindakan dan sikap yang positif," tegasnya semasa merasmikan Perhimpunan Belia Negara 1993 di Padang Kompleks Sekolah-Sekolah Wakaf Mek Zainab, dehat sini hari ini.

Sempena dengan perhimpunan itu belia-belia dari seluruh negara telah melafazkan ikrar serta mengadakan perarakan

serta persembahan lagu Wawasan 2020 yang diikuti oleh Perdana Menteri melepaskan belon perasmian perhimpunan itu.

Perdana Menteri berkata, perkara utama yang harus ada pada belia kebolehan menggunakan ilmu untuk mencapai kemajuan yang dianggap sebahagian daripada negara yang maju.

Negara yang maju tegasnya, mempunyai belia-belia yang berkebolehan yang sanggup menggunakan ilmu untuk mencapai kemajuan dengan menggerakkan ke arah yang telah ditumvukan.

"Sebenarnya kita mempunyai kebolehan yang sama dengan orang lain atau lebih dari pihak lain hanya kemampuan kita untuk mengusahakan bagi memenuhi cita-cita dan harapan negara.

"Kita mestilah sanggup menerima cabaran serta mengatasi segala rintangan yang ada semata-mata untuk menjayakan program yang terkandung dalam Wawasan 2020 itu," ujarnya.

Walau bidang apasakalipun katanya, kita boleh mencapai kejayaan asalkan sanggup menerima cabaran dan bersedia mengatasi sebarang masalah.

Mahathir berkata, kita mestilah sanggup mempelajari ilmu yang penting bagi membangun diri kita dan negara supaya mencapai kejayaan.

"Kita sedang mengejar negara-negara maju maka perlu kita lebih pantas atau lebih cepat daripada mereka.

Sebab itu katanya, di

Malaysia belia-belia kita perlu menghadapi cabaran serta mempelajari dengan lebih kuat lagi daripada orang lain.

Kerajaan menurutnya, telah menentukan Wawasan 2020 dan memangnya ia agak mudah kerana hanya melibatkan perkaataan-perkaataan sahaja tetapi tindakan perlu diambil dalam dekad yang akan datang untuk jangka masa 30 tahun.

Kekayaan

Mahathir berkata, un-tuk menjadi sebuah negara yang maju mestilah mempunyai kekayaan dari segi material, pemikiran dan ilmu untuk menerapkan segala kecekapan bagi mencapai segala kemajuan.

"Kita mesti mempunyai sikap yang sanggup beru-

saha dalam semua bidang dengan kecekapan ilmu supaya kita tidak ketinggalan di belakang," katanya.

Katanya, pelajar-pelajar yang menumpukan pelajaran di sekolah merupakan tempat untuk menimba ilmu pelajaran walaupun terpaksa menghadapi pelbagai ilmu yang kadangkala terlalu berat.

Menurutnya, kita mestilah sanggup mempelajari pelbagai ilmu di sekolah demi untuk sumbangan kepada pembangunan negara dan tanpa ilmu mustahil kejayaan akan dicapai oleh negara.

Kita akan ketinggalan jauh ke belakang katanya, kalau terus leka tanpa menumpukan kepada pelajaran dalam usaha mengejar kemajuan lebih pantas adalah lebih baik.

Perdana Menteri menjelaskan, untuk mengawal diri supaya cenderung kepada belajar hendaklah bermula semasa kecil kalau sudah otak menjadi beku sudah tidak ada guna lagi.

Ilmu

"Anak-anak kita perlu ke sekolah mencari ilmu walaupun adakalanya menghadapi sedikit tekanan dengan pelajaran yang bertambah.

Katanya, anak-anak muda yang leka di pasar-pasaraya hanya semata-mata untuk mencari keseronokan dan terjebak dengan budaya lepak yang tidak menjamin mereka akan menjadi lebih maju selaras dengan matlamat Wawasan 2020.